

# Saya dituduh kahwin lagi dan mempunyai anak — PM

KUALA LUMPUR 19 Ogos 1983

19 Ogos — Perbuatan menabur fitnah bukanlah terhad ditujukan kepada para menteri dan mereka yang berjawatan penting dalam parti dan kerajaan sahaja malah Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengakui beliau juga turut menjadi sasaran.

"Saya juga menjadi bahan tuduhan yang tidak berasas termasuk sudah kahwin lagi dan mempunyai anak", katanya kepada para wartawan sebagai menghuraikan lebih lanjut tentang bahaya fitnah yang disentuhnya dalam ucapan dasarnya di pembukaannya Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

"Cakap-cakap mengenai diri saya bukan sahaja diperkatakan di luar tetapi juga di dalam pejabat saya sendiri. Macam-macam dikatakan. Saya kahwin lain dan sebagainya.

"Cubalah bayangkan saya yang sentiasa membawa isteri saya ke mana-mana macam belangkas di dalam atau di luar negeri dituduh kahwin lain dan mempunyai anak", katanya secara berjenaka dan disambut oleh gelak ketawa para wartawan yang mene-

muinya di waktu rehat perhimpunan.

Sambil mensifatkan perbuatan itu sangat keji Perdana Menteri berkata, beliau tidak bimbang dengan cakap-cakap seumpama itu kerana tindak tanduknya selama ini adalah terbuka dan diketahui oleh semua orang.

"Anda semua tahu, hidup saya ini pergi ke pejabat dan terus ke rumah selepas pejabat dan kalau pergi ke mana isteri saya teman".

"Saya dapat menahan telinga mendengar tuduhan saya sudah kahwin lain dan sebagainya kerana saya tidak melakukannya".

Dalam pada itu, Perdana Menteri secara berjenaka berkata, beliau juga ada mendengar cerita tentang para pemberita yang terlalu rapat dengan menteri-menteri kabinet.

"Saya dengar kononnya pemberita terlalu rapatlah, baik sangatlah, duduk dekatlah dan sebagainya", katanya lagi disambut dengan gelak ketawa para wartaw

wan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan perbuatan menabur fitnah yang boleh membunuh kepercayaan seseorang itu haruslah dihentikan kerana orang yang menjadi sasaran itu tidak dapat mempertahankan diri.

"Takkanlah mereka yang dituduh hendak membuat pengumuman terbuka tidak buat seperti yang dituduh dan sebagainya".